

Misi Nasional bermula

Seluruh jentera bersedia pastikan projek ikut rancangan: TPM

Oleh Ahmad Ghazali Musa

PEKAN: Pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang akan memulakan Misi Nasional ke arah mencapai Wawasan 2020 dan menjadikan Malaysia negara maju, secara rasmi bermula hari ini.

Sehubungan itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata kerajaan sudah bersedia sedia menggerakkan seluruh jenteranya untuk memastikan semua projek dirancang berjalan lancar dan mengikut jadual ditetapkan.

Beliau berkata, persiapan terakhir pelaksanaan RMK-9 dibincangkan secara terperinci pada mesyuarat Kabinet dipengerusikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebelum berlepas ke Australia, Rabu lalu.

"Kabinet membincangkannya se-

cara terperinci termasuk strategi pelaksanaan RMK-9 dalam mesyuarat kira-kira empat jam itu," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuaratan Sekolah Kebangsaan (SK) Pekan Jaya di sini, semalam.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pelaksanaan strategi RMK-9 akan memberi keutamaan terhadap pelbagai aspek, termasuk tempoh projek perlu disiapkan, kos penyelenggaraan dan kajian impak alam sekitar.

Ketika membentangkan RMK-9 pada 1 April lalu, Perdana Menteri berkata, rancangan lima tahun itu akan memacu Misi Nasional yang menggariskan lima teras, iaitu:

- Meningkatkan nilai tambah dalam ekonomi negara.
- Meningkatkan keupayaan pengetahuan, kreativiti dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama.

- Menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi secara membina dan produktif.

- Meningkatkan tahap dan kemampuan kualiti hidup, dan
- Mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan negara.

Najib berkata, sebuah jawatanku-

asa pelaksana juga akan berfungsi sebagai badan bertindak untuk memantau dan meluluskan pelaksanaan projek RMK-9.

Katanya, jawatankuasa dipengerusikan Perdana Menteri menyelaras perkara membabitkan dasar dan pelaksanaan RMK-9 digerakkan secara efektif.

"Kita juga meneliti tindakan yang perlu diambil untuk pelaksanaan konsep pembangunan wilayah yang akan diumumkan Perdana Menteri Ogos ini sebelum dilaksana secara berperingkat.

"Kita jangka konsep pembangunan wilayah itu akan dapat disiapkan sepenuhnya akhir Julai," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, masalah penyelarasan antara kementerian dengan kerajaan negeri

FAKTA NOMBOR

Rancangan Malaysia Kesembilan

RM200b

Peruntukan pembangunan

RM20b

Inisiatif Pembiayaan Swasta

Kejayaan RMK-9 perlu penyelarasan

DARI MUKA 1

dan Pusat turut diberi perhatian serius dalam melaksanakan RMK-9.

"Kalau ada penyelarasan dan pemahaman yang tinggi maka banyak masalah dapat diatasi," katanya.

Beliau memberi contoh dalam menentukan tapak sesuatu projek sekolah atau bangunan persekutuan, memerlukan kelulusan kerajaan, negeri sama ada membatikan tanah milik kerajaan atau orang perseorangan.

"Apa yang penting, tanah yang dikenal pasti sesuai, maknanya janganlah ditempatkan terlalu jauh daripada kawasan pembangunan menyebabkan peruntukan prasarana begitu tinggi, antaranya kos mengambil tanah.

"Tentu sukar bagi kita melaksana projek yang bernilai RM100 juta, jika kerajaan terpaksa bayar RM40 juta hanya untuk kos tanah," katanya.

Najib juga menjelaskan bukan semua projek dapat disiapkan dalam tempoh setahun kerana RMK-9 adalah projek pembangunan lima tahun.

"Kita mesti agihkan agar aliran kewangan menepati kemampuan kita, mana yang dulu kita dahulukan," katanya.